

Kadar pertukaran ringgit, dolar dipengaruhi pelbagai faktor

- Petunjuk kadar pertukaran masih belum memadai untuk memahami kedudukan sebenar sesebuah pasaran

- Kejatuhan kadar pertukaran ringgit bukan mencerminkan kedudukan sebenar ekonomi negara



Oleh Dr. Abu Sufian Abu Bakar
bhrencana@bh.com.my

Pusat Pengajian
Ekonomi, Kewangan
dan Bank, Universiti
Utara Malaysia (UUM)

Kejatuhan kadar pertukaran ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) menjadi topik perbincangan hangat. Malangnya, ramai memberikan komentar menggambarkan ekonomi negara semakin sakit.

Realitinya, kadar pertukaran dinamik kerana pelbagai faktor ekonomi. Memahami faktor-faktor mempengaruhi perubahan itu dapat memberi kefahaman lebih jelas.

Antara faktor asas mempengaruhi ialah permintaan dan penawaran mata wang. Jika permintaan sesuatu mata wang meningkat, kadar pertukaran akan meningkat. Ini bermakna untuk mendapatkan satu dolar, kita perlu menambah nilai ringgit, sekali gus menyebabkan nilai ringgit jatuh.

Peningkatan ini memberi kelebihan kepada rakyat AS kerana boleh mendapat lebih banyak ringgit dan meminta lebih banyak barangan daripada Malaysia, yang menyebabkan eksport akan meningkat.

Sebaliknya peningkatan kadar pertukaran menyebabkan kuasa beli rakyat Malaysia menjadi lemah kerana terpaksa membayar lebih banyak untuk mendapat barang sama. Akibatnya, permintaan rakyat Malaysia untuk barang AS merosot hingga import jatuh.

Jika negara mengeksport lebih daripada mengimport, terdapat surplus akaun perdagangan dan ini boleh menguatkan mata wang. Sebaliknya, negara mengalami defisit akaun perdagangan apabila mengimport lebih banyak, ia boleh melemahkan mata wang. Konsep asas ini perlu difahami sebelum meneroka kadar pertukaran lebih dalam.

Soalnya, adakah semestinya kejatuhan atau peningkatan kadar pertukaran bermakna berlaku kejatuhan (peningkatan) dalam import dan eksport? Jawapannya tidak kerana terdapat banyak lagi faktor menjadi penentu kepada daya saing sesebuah negara.

Perbincangan tadi hanya melihat kepada nilai nominal kadar pertukaran. Nilai nominal tidak memberi maklumat keseluruhan, sebaliknya kita perlu melihat kepada nilai benar.

Nilai benar kadar pertukaran mengambil kira perubahan harga dalam sesebuah negara. Perubahan harga ini menggunakan data inflasi sesebuah negara berbanding negara dagangan mereka.

Negara yang mempunyai kadar inflasi lebih rendah cenderung melihat peningkatan nilai mata wang mereka. Kadar inflasi lebih rendah bermaksud kuasa beli meningkat, menjadikan barangan dan perkhidmatan lebih terjangkau. Perbincangan ini dalam teori perdagangan dinamakan sebagai pendekatan imbang-perdagangan.

Namun, kadar inflasi sahaja masih belum memadai untuk memahami dinamika kadar pertukaran, ini kerana kadar inflasi lebih mencerminkan barangan dan perkhidmatan fizikal.

Jika dilihat kepada akaun imbalan perdagangan, ia dipengaruhi oleh akaun semasa, iaitu berkaitan import dan eksport. Namun, aliran modal masuk dan keluar dalam sesebuah negara ditentukan kadar faedah. Jika kadar faedah lebih tinggi, ia cenderung menarik modal asing mencari pulangan lebih baik.

Dengan lebih banyak aliran wang asing masuk,

permintaan terhadap mata wang negara itu meningkat, sekali gus menguatkan nilainya. Sebaliknya, kadar faedah lebih rendah boleh menyebabkan penurunan nilai mata wang.

Walaupun begitu, kesan kadar bunga lebih banyak kepada pengaliran modal jangka pendek dalam sekuriti kewangan seperti bon, saham dan sekuriti hutang oleh pelabur. Pengaliran modal jangka panjang seperti Pelaburan Langsung Asing (FDI) banyak dipengaruhi faktor lain seperti kestabilan politik dan persekitaran ekonomi dapat diramalkan akan menarik pelaburan asing, memberi kesan positif kepada mata wang.

Reaksi pelabur asing

Petunjuk ekonomi seperti pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), kadar pengangguran dan imbalan perdagangan mempengaruhi keyakinan pelabur. Negara dengan ekonomi kukuh dan berkembang biasanya mempunyai mata wang lebih kuat. Ekonomi cergas menarik pelaburan asing, meningkatkan permintaan terhadap mata wang.

Hutang kerajaan turut mencerminkan kesihatan ekonomi negara. Tahap hutang lebih rendah biasanya dianggap lebih stabil dan menarik pelabur, sekali gus boleh menyumbang kepada mata wang lebih kuat.

Penentuan kadar pertukaran ini merujuk kepada pendekatan makro-fundamental. Jika faktor ini positif, mata wangnya cenderung kuat; jika tidak, ia mungkin melemahkan. Pelabur dan peniaga menggunakan maklumat ini untuk membuat keputusan dalam pasaran pertukaran asing.

Terdapat satu lagi pendekatan jarang dibincangkan kerana sangat teknikal dan kompleks. Namun bagi situasi Malaysia sekarang ini, pemahaman pendekatan ini sangat berguna dan membantu rakyat memahami kedudukan sebenar.

Terdapat satu lagi pasaran turut menentukan kadar pertukaran asing, iaitu pasaran pertukaran asing. Analisis ini dinamakan sebagai pendekatan struktur pasaran mikro yang merungkil perincian transaksi, pemrosesan maklumat dan interaksi.

peserta pasaran mata wang.

Pasaran mata wang cair memudahkan pembelian dan penjualan mata wang tanpa memberi kesan besar kepada kadar pertukaran. Pengulas pasaran adalah pihak menyediakan harga belian dan jualan di pasaran yang berperanan penting dalam mengekalkan kecairan. Aktiviti mereka boleh mempengaruhi kadar pertukaran dengan menentukan spread (perbezaan antara harga jualan dan belian).

Pendedahan maklumat dan kadar pertukaran banyak dipengaruhi berita serta maklumat ekonomi. Dalam pendekatan struktur pasaran mikro, pemprosesan dan penyebaran maklumat dalam talian penting dalam membentuk persepsi dan keputusan pelabur.

Secara keseluruhan, pendekatan struktur pasaran mikro memahami dan menganalisis bagaimana faktor-faktor seperti kecairan, pengulas pasaran, teknologi perdagangan, maklumat, pelaksanaan pesanan dan perdagangan frekuensi tinggi berinteraksi dalam pasaran pertukaran asing.

Adakah maklumat diterangkan di atas berkaitan kadar pertukaran memadai untuk menentukan daya saing sesebuah negara? Jawapannya, masih lagi tidak. Pedagang antarabangsa dan pelabur dalam pasaran kewangan sering melakukan lebih banyak analisis dan penelitian bagi setiap petunjuk ekonomi.

Petunjuk kadar pertukaran masih belum memadai untuk memahami kedudukan sebenar sesebuah pasaran. Analisis kadar pertukaran efektif sebenar (REER), satu ukuran mencerminkan harga relatif barang dan perkhidmatan antara pelbagai negara rakan dagang.

Indeks ini akan memperlihatkan kekuatan kadar pertukaran berdasarkan rakan dagang sesebuah negara. Rakan dagang menyumbang nilai dagangan tinggi akan diberi wajaran lebih tinggi.

Jadi ukuran ini lebih komprehensif kerana hanya mengambil kira negara mana kita berdagang dan kekuatan mata wang mereka akan turut ditimbang bagi mengukur daya saing negara.

Secara keseluruhan, kejatuhan kadar pertukaran ringgit bukan mencerminkan kedudukan sebenar ekonomi negara. Negara masih lagi mempunyai kelebihan dalam akaun semasa, walaupun berlaku kejatuhan.

Namun akaun modal menunjukkan fluktuasi agak ketara. Kedudukan ini dilihat ahli ekonomi seperti saya sebagai serangan disengajakan pihak tertentu bertujuan melemahkan nilai ringgit.

Hakikatnya, usaha digerakkan kerajaan sekarang selaras dengan prinsip teori ekonomi. Pengawasan inflasi berkesan, penggalangan eksport dan penggantian import serta promosi pelancongan akan memperkuatkan akaun dagangan.

Sementara memasuki FDI akan memperkukuh akaun modal jangka panjang. Namun sebagai negara kecil, kita mungkin tidak mampu bersaing dengan pemodal antarabangsa dan spekulator pasaran kewangan.

Peningkatan kadar faedah bukan pilihan terbaik bagi memperbaiki akaun kewangan. Namun, peraturan dan perundangan lebih berkesan untuk mengekang manipulasi di pasaran kewangan mungkin perlu dipertingkatkan.

Raja juga perlu memperkukuh struktur pasaran mikro dengan menggunakan teknologi termaju dan melatih lebih ramai kakitangan baharu. Dasar ini pasti akan membuahkan hasil dalam satu atau dua tahun akan datang.

